

## TAQWIM ISLAM VERSUS TAQWIM KAFIR?

Selamat Menyambut Tahun Baru Hijrah 1439! Alhamdulillah, setelah 1400 tahun taqwim ini diasaskan, ia masih lagi digunakan oleh 1.8 billion manusia di seluruh dunia. Perkembangan terbaru dalam dunia Taqwim Hijrah menampakkan kesungguhan negara-negara Islam untuk terus mempertahankan penggunaan taqwim ini. Namun dalam artikel kali ini saya ingin mengengahkan satu isu yang agak mengelirukan ramai pihak.

Ramai dikalangan kita termasuk saya juga beranggapan bahawa sistem Taqwim Syamsiah yang mendominasi dunia taqwim hari ini adalah taqwim yang perlu ditolak oleh umat Islam. Ini kerana sepatutnya sistem Taqwim Qamariyahlah yang patut digunakan secara dominan. Sentimen kepada Taqwim Qamariyah jelas kerana ia merupakan asas penyusunan Taqwim Hijrah yang digunakan oleh umat Islam. Manakala Taqwim Masihi pula disusun berdasarkan Taqwim Syamsiah. Sehingga muncul satu anggapan bahawa Taqwim Qamariyah ialah Taqwim Islam dan Taqwim Syamsiah pula adalah Taqwim Kafir.

Namun, benarkah anggapan ini? Adakah Islam menyuruh kita menggunakan Taqwim Qamariyah dan menolak sama sekali Taqwim Syamsiah? Lebih hebat lagi, adakah pertembungan dua sistem taqwim ini adalah pertembungan Taqwim Islam dan Kafir?

### Sejarah Taqwim

Taqwim menurut Yahya Syami ialah "Jadual atau senarai yang meliputi jadual hari, minggu dan bulan". Manakala menurut Azhari pula " ia adalah satu rekod perjalanan waktu atau satu sistem susunan masa." Baharuddin memilih takrifan Doggett iaitu " Taqwim ialah satu sistem penyatuan unit pengukuran masa."

Semua tamadun mempunyai taqwim yang disusun berdasarkan dimensi agama atau budaya. Bagaimanapun kesemua sistem taqwim itu di susun berlandaskan peredaran jisim-jisim samawi seperti Matahari, Bulan dan Bintang. Namun yang masih dominan hingga hari ini hanyalah Matahari dan Bulan.

Dalam sejarah taqwim, tamadun Arab, Hindhu dan China adalah tamadun yang menggunakan Bulan sebagai rujukan utama taqwim. Ia juga dikenali sebagai sistem Taqwim Qamariyah atau *Lunar Calendar*. Manakala tamadun Rom dan Yunani menggunakan Matahari sebagai rujukan yang juga dikenali sebagai sistem Taqwim Syamsiah atau *Solar Calendar*. Kita dalam tamadun Islam mewarisi penggunaan sistem taqwim qamariyah dari masyarakat arab era sebelum Islam dengan beberapa pengubahsuaian.

Dalam satu kajian yang dilakukan Mohammad Ilyas, sistem Taqwim Qamariyah adalah sistem yang dominan satu ketika dulu. Ini kerana kaedah penyusunannya yang lebih mudah dan tepat. Ini berdasarkan perubahan permukaan bulan yang mudah dikenal pasti. Contohnya apabila fasa Bulan penuh, maka dengan mudah masyarakat tahu bahawa ia adalah hari ke 15. Apabila permukaan Bulan menjadi separuh, ia adalah hari ke 22. Namun penggunaan Takwim

Syamsiah juga digunakan apabila ia merujuk kepada perubahan musim. Ia penting kerana kerja-kerja pertanian banyak bergantung kepada perubahan musim yang akan mempengaruhi keadaan cuaca dan tiupan angin.

### Sistem Taqwim Dalam Al-Quran

Aplikasi penggunaan sistem taqwim Qamariyah dan Syamsiah telah ditunjukkan dalam beberapa ayat al-Quran. Contohnya dalam surah Yunus : 5 :

"Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya)."

Di dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa Matahari dan Bulan adalah dua objek yang boleh dijadikan rujukan dalam penyusunan taqwim dengan merujuk kepada peredaran Matahari dan Bulan. Ini kerana orbit Matahari dan Bulan adalah berbeza. Taqwim yang berdasarkan orbit pusingan Bumi mengelilingi Matahari inilah yang disebut sebagai Taqwim Syamsiah. Taqwim Syamsiah merujuk kepada pusingan lengkap Bumi mengelilingi Matahari yang bersamaan dengan nilai satu tahun. Dalam pusingan setahun ia mempunyai 365.242191 hari (365h 5j 48m 46.8s). Manakala pusingan Bulan mengelilingi Bumi dinamakan Taqwim Qamariyah. Ia pula merujuk kepada tempoh pusingan lengkap Bulan mengelilingi Bumi merujuk kedudukan Matahari. Tempoh pusingan Bulan ini dikenali sebagai bulan iaitu 29.530589 hari ( 29h 12j 44m 02.89s). Untuk tempoh setahun jumlah harinya ialah 354.367068 hari (354 hari 8 jam 40 minit 34.67 saat).

Contoh lain ialah di dalam surah al-Kahfi : 25 :

Bermaksud ; "Dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka: Tiga ratus tahun dengan kiraan Ahli Kitab), dan sembilan lagi (dengan kiraan kamu)."

Ayat ini sangat menarik kerana memberikan perbezaan jelas nilai hisab 2 jenis taqwim. Di dalam ayat di atas menunjukkan dua jenis aplikasi taqwim yang mempunyai perbezaan iaitu antara nilai 300 tahun dan 9 tahun. Dalam kiraan 300 berdasarkan Taqwim Syamsiah, manakala tambahan 9 tahun iaitu 309 lagi berdasarkan Taqwim Qamariyah. Sementara itu jika diperhatikan perbezaan pusingan Taqwim Syamsiah dan Qamariyah ialah 11 hari. Berdasarkan ayat di atas satu hisab boleh dilakukan seperti berikut :

- Kiraan :  $300 + 9 = 309$
- $365 (M) - 354 (H) : 11$  hari (beza taqwim setahun)
- $11 \times 9 : 3300$  hari /  $354 = 9.3$  tahun

Kiraan 365 adalah nilai setahun dalam Taqwim Syamsiah, manakala 354 adalah nilai setahun dalam Taqwim Qamariyah. Ini bermaksud Ashab al-Kahfi telah ditidurkan selama 300 tahun berdasarkan Taqwim Syamsiah dan 309 tahun berdasarkan Taqwim Qamariyah.

### **Kegunaan Taqwim Syamsiah dan Qamariyah**

Menurut Md. Khair, antara fungsi utama Taqwim Syamsiah ialah perubahan musim. Ia selari dengan perubahan musim kerana dalam masa yang sama taqwim Syamsiah merujuk kepada perubahan kedudukan Matahari. Ini memudahkan petani untuk bercucuk tanam kerana perubahan musim memberi pengaruh besar pada hasil tanaman mereka yang sangat penting dalam sosio ekonomi dan pertanian. Ia merujuk kepada kedudukan Matahari melintasi garisan Khatulistiwa ( $0^\circ$ ) menuju ke garis Sartan ( $23.5^\circ$  Utara) dan garis Jadi ( $23.5^\circ$  Selatan). Merujuk kepada pergerakan ini maka penandaan musim dapat diketahui dengan merujuk kedudukan matahari di 4 buruj iaitu Hamal (Aries), Saratan (Cancer), Mizan (Libra) dan Jadi (Capricorn). Berdasarkan hisab, Matahari berada di buruj Hamal pada 21 Mac, Saratan pada 22 Jun, Mizan pada 24 September dan Jadi pada 23 Disember. Seterusnya kita dapat mengetahui permulaan musim iaitu dengan merujuk kepada bulan tersebut iaitu bulan Mac merupakan permulaan musim bunga, bulan Jun permulaan musim panas, bulan September permulaan musim gugur dan Disember ialah permulaan musim sejuk.

Manakala Taqwim Qamariyah pula, sinonim dengan ibadah bagi umat Islam. Awal bulan ditandai dengan kenampakan hilal yang dirukyah pada setiap hari ke 29hb. Pada hari ini ijtima akan berlaku iaitu kedudukan Bulan pada di antara Matahari dan Bumi. Permulaan 1 haribulan mempunyai kaitan dan signifikan yang sangat besar dengan pensabitan ibadah seperti penetapan ibadah puasa, dan 2 hari raya. Demikian juga dalam konteks pelaksanaan ibadah Qurban yang hanya dapat dilaksanakan dalam 4 hari saja iaitu 10,11,12 dan 13 Zulhijjah. Begitu juga dengan pensabitan bulan haji yang berkait langsung dengan ibadah haji di Mekah iaitu bulan Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah. Di samping banyak lagi ibadah sunat seperti puasa Arafah (9 Zulhijjah), puasa Hari Putih (13,14 dan 15 haribulan) dan puasa sunat di bulan Rejab dan Sya'ban. Dalam ibadah zakat pula haul iaitu tempoh 12 bulan sesuatu harta berada dalam pemilikan sempurna seseorang juga merujuk tempoh 12 bulan Qamariyah. Tempoh pensabitan nasab seseorang anak kepada ayahnya juga merujuk tempoh 6 bulan Qamariyah. Di samping banyak lagi sambutan hari kebesaran Islam juga merujuk kepada taqwim Qamariyah.

### **Taqwim Hijri dan Taqwim Masihi**

Taqwim hijri merupakan taqwim yang disusun berdasarkan sistem Taqwim Qamariyah. Menurut Baharrudin permulaan tahun Hijri diasaskan pada tahun 1 Muharam 1H yang bersamaan dengan 16 Julai 622M. Pemilihan tarikh ini adalah atas kesepakatan para sahabat yang diketuai oleh Khalifah Umar ibn Khattab pada 20 Jamadil Akhir 17 H. Manakala Taqwim Masihi pula merujuk kepada sistem Taqwim Syamsiah. Menurut Md. Khair, permulaan tahun pertama tahun masihi merujuk kepada tahun kelahiran Nabi Isa iaitu tarikh 25 Disember (terdapat khilaf di

kalangan ahli falak Nasrani mengenai tarikh kelahiran nabi Isa). Namun permulaan tarikh masihi lewat 6 hari selepas itu iaitu bermula 1 Januari 1 M.

Dalam konteks hari ini di Malaysia, jika kita mahu mengetahui perjalanan Taqwim Qamariyah kita perlu merujuk Taqwim Hijri. Manakala jika kita mahu mengetahui perjalanan Taqwim Syamsiah, kita perlu merujuk Taqwim Masihi. Ini kerana penandaan sistem Taqwim Qamariyah atau Syamsiah hari ini adalah merujuk kepada taqwim penyusunan Taqwim Hijri atau Masihi.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan ulasan di atas Islam tidak menolak sama sekali sistem Taqwim Syamsiah dalam kehidupan seorang muslim. Malah al-Quran telah mengakui peredaran Matahari dan Bulan boleh dijadikan rujukan dalam penyusunan taqwim. Tidak dapat dinafikan sistem Taqwim Qamariyah yang sinonim dengan Taqwim Hijrah adalah taqwim yang sangat penting dalam kehidupan seorang muslim. Ini kerana penggunaannya yang sangat rapat dengan ibadat seorang muslim. Malah setiap peristiwa bersejarah dalam Islam ditandai dengan tarikh, bulan dan tahun hijrah. Namun kegunaan sistem Taqwim Syamsiah juga penting dalam kehidupan seorang muslim kerana ia merujuk kepada gerakan Matahari yang memberi panduan dalam kegiatan sosio ekonomi dan pertanian. Isunya mungkin kerana sistem Taqwim Syamsiah yang dominan hari ini diwakili oleh Taqwim Masihi yang disusun berdasarkan sejarah agama Nasrani. Sehingga kita mampu menyusun Taqwim Syamsiah versi Islam, bukanlah merupakan satu kesalahan atau larangan kita merujuk Taqwim Masihi untuk rujukan pergerakan matahari. Maka perbincangan Taqwim Syamsiah dan Qamariyah bukanlah satu pertembungan, namun ia harus seiringan. Ia juga bukan pertempuran taqwim Kafir dengan Muslim, namun ia adalah bukti keharmonian alam ciptaan Allah S.W.T.

\* Artikel ini telah dimuatkan dalam majalah Tamadun Islam edisi Oktober 2017